



**TALKING POINTS UCAPAN YAB MENTERI BESAR
SEMPENA PROGRAM MESRA NGO BAIDURI
AHAD, 17 JULAI 2022**

Senario Wanita

1. Statistik pada tahun 2020 menunjukkan wanita membentuk 48.5 peratus daripada 32.7 juta penduduk Malaysia (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)
2. Di negeri Perak pula, terdapat 1.2 juta wanita daripada 2.5 juta penduduk.
3. Wanita turut menjadi penyumbang dalam:
 - i. Sektor Awam: Kumpulan wanita sebagai pembuat keputusan melebihi sasaran 30 peratus dengan angka 37.3 peratus pada tahun 2020
 - ii. Sektor Swasta: 17.2 peratus wanita dilantik sebagai ahli Lembaga pengarah dalam syarikat tersenarai di Bursa Malaysia
 - iii. Kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh adalah 55.6

peratus berbanding 80.8 peratus lelaki.

4. Statistik yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia juga menunjukkan jumlah wanita yang bekerja di Perak pada tahun 2019 adalah sebanyak 37.2 peratus, iaitu:
 - i. Perkhidmatan dan jualan: 35.9 peratus;
 - ii. Sokongan perkeranian: 16.3 peratus;
 - iii. Profesional: 15.3 peratus;
 - iv. Pekerjaan asas: 8 peratus;
 - v. Juruteknik dan professional bersekutu: 7.9 peratus;
 - vi. Loji dan pengendali mesin serta pemasangan: 7.4 peratus;
 - vii. Pekerja berkemahiran dan pertukangan yang berkaitan: 5.3 peratus;
 - viii. Pertanian, perhutanan dan perikanan: 2 peratus;
 - ix. Pengurus: 1.9 peratus.

Ia menunjukkan betapa besarnya sumbangan wanita dalam pertumbuhan negeri.

Perak Sejahtera 2030

- Genap sebulan lepas, saya telah melancarkan Perak Sejahtera 2030 dengan **matlamat ‘Perak Makmur, Rakyat Sejahtera’**, yakni pelan pembangunan strategik yang mencerminkan aspirasi rakyat yang inginkan kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan.
- Dengan misi “**Memacu Pembangunan Sosioekonomi yang Mampan, Inklusif dan Dinamik**”, pelan ini menggariskan **enam (6) agenda utama** negeri, iaitu sekuriti makanan, ekonomi digital,

pembuatan keputusan berpacuan data, perlombongan lestari, koridor TVET Malaysia dan tadbir urus projek berkepentingan negeri.

- **Tiga (3) sasaran**, iaitu **Sejahtera Sosial, Sejahtera Ekonomi dan Sejahtera Politik** telah ditetapkan dengan memfokuskan **lima (5) prinsip** yang memandu arah jentera Kerajaan Negeri menuju tahun 2030, iaitu keseimbangan pembangunan fizikal dan sosioekonomi, kerjasama pintar, kelestarian penggunaan sumber dan alam semula jadi, sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan ambil peduli serta kepakaran berkualiti dan bernilai tinggi.
- Untuk rekod, pihak IDR telah menjalankan **128 sesi libat urus** bagi mengumpul input dan pandangan daripada pelbagai pihak termasuk Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, pegawai tertinggi syarikat berkaitan kerajaan GLC negeri, wakil-wakil rakyat, ketua-ketua jabatan kerajaan dan agensi.
- Pelan pembangunan yang komprehensif ini turut didasari **lima (5) Nilai Bersama**, iaitu Kebersamaan, Jujur, Bijaksana, Prihatin dan Tegas untuk menetapkan kitaran tadbir urus pembangunan dan pengurusan dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan.
 - i) Pertama - Mengumpul dasar, perancangan serta tindakan pengurusan pembangunan semasa negeri Perak
 - ii) Kedua - Mengenal pasti projek dan rancangan pembangunan

tumpuan mengikut keutamaan untuk pembangunan negeri.

iii) Ketiga - Memastikan projek dan rancangan pembangunan tumpuan mengikut keutamaan dilaksanakan mengikut ketetapan

iv) Keempat - Penilaian pencapaian dan penilaian projek dan rancangan pembangunan berasaskan masa.

- Ia merupakan kesinambungan hala tuju terdahulu yang menyokong pelan di peringkat negeri, kerajaan dan antarabangsa seperti Rancangan Struktur Negeri Perak 2040, Pelan Pembangunan Amanjaya 2009 - 2020, Pelan Perindustrian Perak (P3), Rancangan Tempatan Daerah (RTD), Pelan Perak Lestari 2030, Rancangan Malaysia Ke-12, Pelan Pembangunan Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2021 - 2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Perak Sustainable Development Model dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Sejahtera

Sosial

Perak Sejahtera 2030 melihat kesejahteraan sosial sebagai usaha untuk mengubah dan menjamin kesejahteraan individu, masyarakat dan rakyat dalam meningkatkan kualiti kehidupan daripada aspek jasmani, akal, rohani dan emosi agar dapat memberi kepuasan kepada kehidupan rakyat. Tiga penentu utama kesejahteraan sosial sesuatu masyarakat dilihat dalam aspek keperluan hidup, peluang mobiliti sosial dan pengurusan masalah sosial serta pengukuhan jaminan keselamatan sosial.

Program Flagship Perak Sejahtera 2030

Salah satu daripada 18 program flagship yang menjadi pemangkin kepada Perak Sejahtera 2030 ialah Komuniti Perak Sejahtera melalui **aktiviti berteraskan kesukarelawanan**. Antara program yang telah dirancang iaitu Komuniti Rukun Tetangga, Skwad Perak Sejahtera dan Celik Negara.

Yang Pertama ialah **Komuniti Rukun Tetangga**. Projek ini akan mewujudkan kesatuan dalam organisasi sedia ada dalam suatu kawasan bagi menjaga keselamatan komuniti setempat. Selain itu, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan juga akan dilaksanakan melalui kesatuan ini bagi mengukuh semangat perpaduan, keharmonian, kerjasama, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup dalam kalangan masyarakat.

Yang kedua ialah **Skuad Perak Sejahtera**, penubuhan skuad ini bertujuan memupuk semangat kesukarelawanan dengan bertindak sebagai agen kerajaan di lapangan dalam melaksanakan kerja kebajikan kepada masyarakat yang memerlukan. Skwad ini akan menjadi payung kepada pasukan sukarelawan sedia ada di negeri ini. Sukarelawan akan diperkasa melalui latihan yang bersesuaian untuk terus memberi khidmat bakti kepada masyarakat. Lebih menarik, skuad ini akan **diwujudkan di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN)**.

Program Celik Negara pula dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai literasi demokrasi dalam aspek mendidik kematangan politik dalam kalangan belia

yang menjadi tunjang kepada pembangunan negeri akan diberikan melalui projek ini. Projek ini turut mengambil peluang untuk memfokuskan elemen pendigitalan dengan memberi pendedahan terhadap kepentingan pengaplikasian media sosial untuk menghebahkan maklumat berkaitan negeri sejajar dengan matlamat pelan Perak Sejahtera 2030.

Hadirin dan hadirat dikasihi,

Aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan wanita dilihat amat penting dalam kita terus berusaha menyantuni golongan yang memerlukan seperti warga emas, dan Orang Kelainan Upaya (OKU) di setiap daerah. Intipati ini kita telah rangkumkan di bawah program **Flagship Program Menyantuni Golongan Rentan**. Terdapat tiga program di bawah Flagship ini;

Yang pertama **Program Sanjung**, program ini akan menggunakan elemen inovasi sosial dalam menjamin imbal balas ekonomi kepada negeri. Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan jaringan keselamatan sosial warga tua. Antara projek yang disarankan adalah **pemberian insentif baucar** kepada ibu bapa sebagai galakan keluarga berbelanja dalam negeri.

Yang kedua, **Program Kepimpinan dan Ikhtisas Wanita**, projek ini diusulkan untuk memperkasa dan membangunkan keupayaan wanita sebagai sumber insan penting dalam pembangunan keluarga dan masyarakat di negeri Perak. Peneraju bagi program ini ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat

(SPW) dan Institut Darul Ridzuan (IDR). Suka sekiranya, puan-puan melalui NGO masing-masing untuk sama-sama menyumbang ke arah ini.

Majlis Tindakan Ekonomi OKU (MTOE) diusulkan sebagai platform untuk menggerakkan pelaksanaan dasar dan inisiatif mesra OKU di negeri Perak. Majlis ini akan memfokuskan aktiviti-aktiviti berkaitan penguatkuasaan dan penggubalan dasar-dasar baharu, pemeraksanaan OKU dan program kesedaran kepada masyarakat dan pemegang taruh.

Program Flagship Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Hadirin dan hadirat dikasihi,

Kita perlu menumpukan segala upaya untuk memperkasa kehidupan rakyat memberi fokus kepada nilai berteraskan pendidikan, kemahiran, pendigitalan dan keusahawanan. Kitaran ekonomi perlu dipulihkan, dan pemulihan perlu bermula daripada sebuah keluarga dan komuniti, '***building the state, one family at a time***'.

Maka Perak Sejahtera 2030 menawarkan program berikut di bawah *Flagship* Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat;

- I. 1 Warga, 1 Skill;
- II. 1 Keluarga, 1 Ijazah;

- III. 1 Keluarga, 1 Usahawan;
- IV. 1 Daerah, 1 Aktiviti Ekonomi; dan
- V. 1 DUN, 1 Pusat Digital Ekonomi (PEDi).

Melalui kesemua program-program flagship yang telah saya telah nyatakan tadi, menjurus kepada pembentukan sebuah masyarakat sejahtera yang mempunyai keseimbangan dalam kehidupan. Penglibatan dan penyertaan secara menyeluruh agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat amatlah diperlukan, khususnya dalam kalangan wanita dalam menjayakan segala program yang telah dirancang dalam Perak Sejahtera 2030.

Suka saya nyatakan bahawa Perak Sejahtera 2030 bukanlah pelan yang sempurna. Insya-Allah, pelan ini adalah satu pelan yang dinamik, realistik dan boleh capai yang menggarap aspirasi dan pengharapan kita semua sebagai rakyat Perak tanpa mengira kaum, agama, bangsa dan budaya. Kita akan semak dan membuat perubahan mengikut tuntutan dan keperluan bagi memastikan tiada golongan yang tertinggal dalam mengecapi kemakmuran dan kemajuan bersama.

PENUTUP

Justeru, suka saya mengajak puan-puan untuk kita sama-sama menggembleng tenaga menjayakan harapan kita, iaitu mencapai sejahtera sosial, sejahtera ekonomi dan sejahtera politik - **yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.**